

TERHAD



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2013

21/2

SEJARAH

KERJA KURSUS

Kertas 2

Februari – Julai

-
1. *Kertas ini mengandungi dua tugas.*
 2. **Tugasan 1(a)** untuk Elemen 1, **Tugasan 1(b)** untuk Elemen 2 dan **Tugasan 2** untuk Elemen 3.
 3. *Calon mesti melaksanakan semua tugas.*

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Calon PMR **wajib** melaksanakan Kerja Kursus Sejarah.
2. Calon dikehendaki merancang dan melaksanakan Kerja Kursus Sejarah dari **bulan Februari** hingga **bulan Julai tahun 2013** berpandukan senarai semak.
3. Calon hendaklah mendapat bimbingan guru dalam **pemilihan tajuk kajian**. Tajuk kajian mestilah berkaitan dengan negara kita Malaysia.
4. Calon mesti melaksanakan ketiga-tiga elemen untuk mendapat tahap pencapaian Kod 1, Kod 2 atau Kod 3. Sekiranya calon hanya melaksanakan satu atau dua elemen sahaja, calon hanya layak mendapat Kod 4.
5. Calon digalakkan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) untuk mencari dan mengumpul fakta sejarah.
6. Calon boleh menjalankan kajian secara berkumpulan tetapi hasil kerja mestilah secara **individu**.
7. Fakta sejarah yang dikumpul untuk Elemen 1 hendaklah didokumentasikan bersama-sama hasil Elemen 2 dan Elemen 3.
8. Hasil kerja kursus calon mestilah merupakan **hasil usaha sendiri** dan tidak ditiru daripada mana-mana pihak.
9. Elemen 2 hendaklah dihasilkan dalam bentuk **esei** tidak kurang daripada 15 halaman mengikut format yang ditetapkan.
10. Hasil kerja kursus calon hendaklah ditulis tangan, ditaip atau menggunakan komputer. Penulisan menggunakan komputer hendaklah dengan fon ***Times New Roman***, **saiz 12 dengan langkau 2.0**.
11. Hasil kerja kursus calon hendaklah menggunakan **kertas saiz A4** sahaja.
12. Maklumat peribadi calon hendaklah ditulis di halaman hadapan laporan.
13. **Penilaian proses kerja** calon akan dilakukan **sepanjang masa** kerja kursus dilaksanakan.
14. **Penilaian dan pemberian markah** dilakukan selepas pelaksanaan setiap elemen.
15. **Penskoran hasil kerja** calon dilakukan pada bulan **Julai 2013**.

TUGASAN 1

Anda ditugaskan membuat kajian berkaitan dengan **satu** kegiatan ekonomi tradisional yang dijalankan oleh masyarakat di Malaysia.

- (a) Dokumentasikan fakta sejarah yang diperoleh daripada pelbagai sumber.
- (b) Tulis laporan kajian anda secara terperinci berdasarkan aspek-aspek di bawah:

ASPEK	PERINCIAN
Tajuk Kajian	Kegiatan ekonomi tradisional di Malaysia.
Senarai Kandungan	Senarai aspek kajian serta dicatatkan nombor halaman secara tertib.
Penghargaan	Penghargaan kepada pihak yang telah membantu pelaksanaan kerja kursus.
Objektif Kajian	Objektif kajian yang mencakupi tajuk tugas/ iktibar/pengalaman kajian.
Kaedah Kajian	Menyata dan menghuraikan kaedah kajian dari segi dapatan atau proses kerja.
Hasil Kajian	<p>1 Maklumat Asas</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama/jenis kegiatan ekonomi - Sejarah/asal usul kegiatan ekonomi - Lokasi/tempat kajian - Pihak yang mengusahakan/individu/ kelompok masyarakat yang mengusahakan <p>2 Latar Belakang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tujuan dijalankan - Proses/cara pelaksanaan - Peralatan/kaedah yang digunakan - Produk yang dihasilkan - Tempat/kawasan (bengkel/keluasan tanah dan sebagainya) - Kos pengendalian <p>(Pilih mana-mana empat aspek)</p>

	<p>3 Sumbangan/Pengaruh kepada keluarga atau masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Status keluarga/mobiliti sosial - Identiti keluarga/kawasan - Sumber pendapatan - Penerusan tradisi keluarga - Memenuhi permintaan - Pembangunan kawasan setempat - Hubungan kemasyarakatan - Industri hiliran - Prasarana/rangkaian perniagaan - Pelancongan - Peluang pekerjaan <p>(Pilih mana-mana empat aspek)</p>
	<p>4 Prospek</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cabaran/kekangan yang dihadapi - Penglibatan pihak luar/galakan kerajaan atau swasta - Reaksi/penerimaan masyarakat - Saranan dan harapan
Rumusan	Unsur patriotisme yang diperoleh daripada kajian ini. Iktibar kepada diri calon, bangsa dan negara.
Lampiran	Gambar, peta, dokumen dan bahan-bahan lain yang berkaitan. Tulis kapsyen di bawah setiap bahan lampiran yang disertakan.
Rujukan	Rujukan hendaklah ditulis dengan format yang betul.

TUGASAN 2

Tulis **satu** esei tidak kurang daripada **100 patah perkataan** yang mengandungi pengamalan unsur patriotisme berdasarkan soalan di bawah.

Soalan:

Kegiatan ekonomi tradisional penting dalam memperkukuh semangat nasionalisme bangsa Malaysia. Berikan pendapat anda.

TUGASAN TAMAT